

# Index V4 Embossers



# Menerajui Masa Depan Braille



Tidak pernah sebelum ini ditemui sebuah mesin pencetak braille yang mampu diletakkan di dalam liga yang setaraf dengan produk dari syarikat-syarikat ternama seperti Mercedes atau Apple Inc. Braille Box merupakan mesin pencetak braille pertama yang telah berjaya menerima beberapa anugerah reka bentuk terhormat di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, ia telah meyakinkan lima juri reka bentuk antarabangsa yang berkecuali atas kecemerlangannya. Braille Box merupakan sebuah mesin pencetak braille yang boleh dibanggakan.

Anjakan perubahan barisan mesin-mesin pencetak braille Index ke Versi 4 telah memberi impak yang amat besar terhadap pesanan dan jualan. Ianya telah dipertingkatkan dengan teknik hasil cetakan braille untuk masa depan. Dengan sistem pemasangan yang lebih efisien, kilang pengeluaran kurus kami bersedia menerima pesanan berkuantiti besar. Sejak V4 diperkenalkan, Index telah membuat penghantaran terbesar dalam sejarah industri mesin pencetak braille sedunia. Index juga berjaya mengatasi cabaran pengeluaran terbesar dan telah mencapai rekod jualan sebanyak 3500 unit mesin pencetak braille setahun. Ini termasuk satu pesanan besar untuk sekolah-sekolah kerajaan di Negara Brazil. Adakah anda punyai persoalan tentang mesin pencetak braille Index? Jangan risau kerana Index punyai jalan penyelesaian untuk anda. Terdapat pusat-pusat servis Index di serata pelusuk dunia. Anda digalakkan untuk

melayari laman web Index demi mendapatkan butiran dan informasi terkini yang tiada batasannya dengan perkhidmatan internet 24 jam. Anda juga boleh memesan alat-alat ganti mesin pencetak braille dari laman web kami dengan mudah sekali.

Kertas lembaran dipotong; saya percaya inilah pilihan terbaik untuk percetakan braille melangkaui masa. Penggunaan kertas 'fanfold' atau lebih dikenali sebagai kertas komputer bersambung untuk percetakan dakwat kian merosot masa kini, begitu juga kepada percetakan braille di masa akan datang. Kertas lembaran dipotong adalah lebih murah berbanding dengan kertas komputer bersambung. Ianya juga mudah dan senang digunakan lebih-lebih lagi ianya boleh didapati di mana-mana kedai alat tulis berhampiran.

Kami mengambil berat dan memandang serius perjalanan bersama-sama dengan syarikat mesin pencetak Braille yang paling berpegalaman, canggih dan mesra pengguna ini. Anda dialu-alukan untuk menyertai kami.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Björn Löfstedt'.

*Mr Björn Löfstedt,  
Ketua Pegawai Eksekutif Index Braille*

# Basic-D

Peneraju yang menggunakan kertas komputer bersambung (fanfold paper)

- 100 aksara sesaat (cps)
- Kertas komputer bersambung
- Saiz yang padat
- Cetakan menegak
- Ringan



**Basic-D** ialah sebuah mesin pencetak Braille yang bersaiz kecil, mudah alih dan canggih. Ia merupakan mesin pencetak braille yang paling laris di pasaran antarabangsa sejak beberapa dekad yang lalu.

Mesin pencetak braille Basic-D menggunakan kertas komputer bersambung untuk cetakan sebelah (single-sided) atau dua belah mukasurat (double-sided) serentak. Dengan prestasinya yang tinggi dan harga yang berpatutan, ia sememangnya digemari dan mampu dimiliki ramai. Reka bentuknya yang kecil dan padat menjadikan ia sebuah mesin cetak yang sungguh mesra pengguna.



# Braille Box

Pemegang anugerah pengeluaran mesin pencetak braille

- 300 aksara sesaat (cps)
- Muatan sehingga 400 helai kertas dalam penyalur kertas (sheet feeder)
- Format majalah jahitan pelana (saddle stitch)
- Kabinet penyerapan bunyi (sound absorbing)



**Braille Box** telah mencapai kejayaan yang menakjubkan di dalam industri percetakan braille. Reka bentuk yang cantik, berprestasi tinggi dan berkelajuan tinggi menjadikan ianya amat sesuai digunakan di mana sahaja. Braille Box direka khas untuk pengguna dan permintaan pasaran dalam industri percetakan braille berkuantiti besar. Format majalah jahitan pelana (saddle stitch) memudahkan dan menyenangkan pengeluaran percetakan braille. Dengan hanya memasukkan kertas lembaran dipotong mengikut saiz yang dikehendaki ke dalam penyalur kertas, Braille Box akan mencetak majalah dan buku braille mengikut kuantiti yang dikehendaki. Setelah selesai mencetak, anda hanya cuma melipatkannya, rujikan (staple) dan dengan serta merta terhasilah sebuah buku atau majalah braille di tangan anda.





*Reka bantuk penyalur kertas (sheet feeder) yang kuat dan kukuh merupakan tulang belakang di sebalik kejayaan Braille Box Index. Ianya juga berkelajuan tinggi, mempunyai sistem penyerapan bunyi dan berharga yang kompetitif.*

Sebelum ini, pencapaian kelajuan dan kualiti mesin pencetak braille menghasilkan bunyi yang agak tinggi di dalam proses percetakan braille. Kini Braille Box memperkenalkan fenomena baru. Dengan reka bentuk unik yang tertutup, bunyi dapat diserap dan dikurangkan tahap kebisingan sementara menghasilkan cetakan braille yang berkualiti tinggi. Mempunyai struktur reka bentuk yang begitu kuat, kukuh dan tahan lama, Braille Box menjanjikan pengeluaran percetakan braille berkualiti untuk jangka masa yang panjang kepada anda.

Menggunakan sistem proses pemasangan yang termaju dan cekap, Index berjaya mengekalkan kualiti serta memastikan produknya memenuhi permintaan pasaran dunia.

*Keunikan reka bentuk Braille Box ini telah memenangi : Red Dot Design Award 2011(Negara Jerman), German Design Award 2012, Grand Design Award- Public's Choice 2012(Sweden), Design S Award 2012 (Sweden) dan Good Design Award 2012 (USA)*

# Everest-D

Percetakan Braille dengan kertas lembaran dipotong berbagai format

- 100 aksara sesaat (cps)
- Mencetak majalah dan format braille biasa (standard braille)
- Muatan sehingga 50 helai kertas di penyalur kertas (sheet feeder)



**Everest-D** merupakan sebuah mesin pencetak braille yang sungguh serba guna di dalam pasaran; sesuai untuk penggunaan peribadi dan juga untuk percetakan berkuantiti tinggi. Berfungsi untuk mencetak dokumen, kad nama perniagaan dan majalah. Dengan memasukkan kertas lembaran dipotong mengikut saiz yang dikehendaki, Everest akan mengendalikan kerja anda. Anda hanya perlu menekan butang pilihan cetakan di struktur menu, dengan serta-merta tercetaklah grafik gambar rajah yang beresolusi tinggi. Index Everest-D V4 terbaru ini sebenarnya adalah mesin pencetak braille "2 dalam 1". Ia telah digabungkan dengan teknologi dan fungsi format majalah automatik Index 4X4 PRO. Index Everest-D V4 kini lebih fleksibel dan mesra pengguna.

*Penyalur kertas lembaran dipotong (sheet feeder) Index adalah klasik dan telah berada di pasaran dunia lebih dari 20 tahun. Reka bentuknya kukuh dan bersesuaian untuk kertas braille yang berlainan kualiti dan jenis.*

# Index Versi 4, peneraju masa depan pasaran mesin pencetak braille

Pencapaian kejayaan barisan mesin pencetak braille Index Versi 4 adalah hasil pelaburan terbesar Index yang telah mengambil masa 4 tahun di bidang penaiktarafan dan penambahbaikan. Walaupun reka bentuk dan rangkanya seakan-akan sama dengan versi yang terdahulu namun lebih 80% komponen dalamnya adalah baru dan lebih tahan lama. Dengan reka bentuk mekanikal yang terbaik, platform elektronik yang moden, sistem pemasangan yang berteknologi cecap dan canggih, ianya menjadikan pengeluaran mesin-mesin pencetak Index Basic-D, Everest-D dan Braille Box Versi 4 menjadi satu realiti. Dengan prestasi yang tinggi dan harga yang berpatutan, barisan mesin pencetak braille Index V4 masih kekal menjadi mesin pencetak braille terkemuka di pasaran dunia untuk tahun-tahun yang mendatang.

## Mekanik Versi 4

- Titikan braille yang berkualiti
- Perkakasan (hardware) yang kukuh dan tahan lama
- Cetakan serentak mukasurat sebelah dan dua belah
- Peta grafik timbul (tactiles graphics) beresolusi tinggi
- Percetakan seluruh permukaan kertas

## Elektronik Versi 4

- USB 2.0, "drivers" untuk Windows dan OS X
- Network 100Mb/s
- Tetapan jimat tenaga (energy saving setting)
- Sambungan headphone ke external speaker

## Perisian (firmware) Dalamaan

- Muatpadat penaik tarafan perisian percuma
- Sambungan laman web (embedded web interface)
- Cetakan braille mendatar dan menegak
- Pembahagian mukasurat automatik dokumen panjang



	Basic-D V4	Everest-D V4	Braille Box V4
			
Kepantasan aksara sesaat (cps)	100 CPS	100 CPS	300 CPS
<b>KERTAS</b>			
Jenis dan muatan kertas	kertas bersambung komputer	kertas lembaran helai 50 helai kertas	Kertas lembaran helai 400 helai kertas
Panjang kertas	1-17 inci	120-590 mm	120-590 mm
Lebaran kertas	4-13 inci	130-297 mm	130-297 mm
Berat kertas gram/meter persegi	120-180 g/m <sup>2</sup>	120-180 g/m <sup>2</sup>	120-180 g/m <sup>2</sup>
<b>FORMAT BRAILLE</b>			
Cetakan sebelah dan dua belah	Ya	Ya	Ya
Braille 6 dan 8 titik	Ya	Ya	Ya
Cetakan menegak	Cetakan menyamping (sideways)	Format majalah	Format majalah
Saiz sel braille	2.5, 2.2, 3.2 mm	2.5, 2.2, 3.2 mm	2.5, 2.2, 3.2 mm
<b>INTERFACE</b>			
Interface komputer pelanggan	USB, Network, Serial	USB, Network, Serial	USB, Network
Interface berbilang bahasa	Ya	Ya	Ya
<b>SAIZ DAN BERAT</b>			
Net saiz Lebar x Panjang x Tinggi (cm)	52x25x12	56x18x45	57x75x52
Berat bersih kg	7.6	12.0	65

Salam sejahtera,

Index Braille Technology Sys (M) Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Index Braille And Accessibility (M) Sdn Bhd) mula beroperasi 1hb April 2013.

Sebagai pengedar induk barisan mesin pencetak Braille Index di rantau Asian, kami ingin memastikan bahawa stok mesin-mesin pencetak braille Index adalah mencukupi untuk pasaran Asian, servis dan sokongan melalui talipon, e-mel dan juga di tapak.

Kami juga menganjurkan bengkel latihan servis mesin cetak Index untuk jurutekni-juruteknik dari organisasi anda.

Anda digalakkan melayari laman web kami [www.indexbraille.com/en-us/sales/asia](http://www.indexbraille.com/en-us/sales/asia) untuk mendapatkan informasi, perkembangan terkini dan video demonstrasi servis mesin pencetak braille Index. Anda juga boleh membuat pesanan alat-alat ganti dengan mudah dan senang di laman web kami.

Hubungilah saya melalui e-mel [anna.indexbrailletech@gmail.com](mailto:anna.indexbrailletech@gmail.com) atau talipon bimbit 013-3943139 untuk keterangan lanjut.



**Anna Lau**

Anna Lau, Pengarah Urusan  
Index Braille Technology Sys (M) Sdn Bhd